

**BAHAGIAN IV:  
ISU-ISU SYARIAH BERKAITAN  
OPERASI INSTITUSI-INSTITUSI  
SOKONGAN DALAM KEWANGAN ISLAM**

---



Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 1972, bertujuan membantu perusahaan kecil dan sederhana yang tidak mempunyai cagaran atau kekurangan cagaran untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan dengan menjamin pinjaman berkenaan. CGC merangka dan menguruskan skim-skim jaminan khusus untuk membantu golongan usahawan kecil dan sederhana serta memastikan penglibatan aktif institusi-institusi kewangan dalam pelaksanaan skim-skim jaminannya.

### **101. Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation**

Berikutan peningkatan peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi kewangan Islam dalam menyediakan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana, CGC telah mencadangkan penawaran jaminan kredit secara Islam terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam kepada pelanggan. Jaminan kredit yang ditawarkan ialah jaminan dengan upah iaitu penerima jaminan (pelanggan) dikehendaki membayar sejumlah upah (yuran atau fi) kepada penjamin (CGC).

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada kemudahan jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh CGC ini dibenarkan Syarak.

#### **Keputusan**

MPS pada mesyuarat ke-54 bertarikh 27 Oktober 2005 telah memutuskan bahawa kemudahan jaminan kredit dengan upah yang ditawarkan oleh CGC terhadap pembiayaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam adalah dibenarkan.

## Asas Pertimbangan

Keharusan kemudahan jaminan dengan upah (*kafalah bi al-ujr*) yang diberikan oleh CGC adalah berasaskan pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. Beberapa ulama kontemporari<sup>163</sup> dan Badan Penasihat Syariah<sup>164</sup> telah memutuskan bahawa pengenaan *ujrah* ke atas *kafalah* adalah dibenarkan. Sebahagian ulama semasa juga berpendapat bahawa *ujrah* ke atas *kafalah* seharusnya dibenarkan atas dasar *maslahah* dan keperluan masyarakat kerana pada waktu kini, memperoleh jaminan secara percuma bukanlah suatu perkara yang mudah dan praktikal.<sup>165</sup> Selain itu, salah seorang ulama semasa telah mengemukakan pandangannya dalam pembentangan kepada Akademi Fiqah OIC bahawa pengenaan *ujrah* ke atas *dhaman* (jaminan) adalah diharuskan. Beliau berpandangan walaupun hukum asal *dhaman* ialah *tabarru'*, syarat untuk mengenakan upah ke atas *dhaman* tersebut dianggap sah. Beliau juga menegaskan bahawa akad *dhaman* bukan merupakan *qard* kerana akad *dhaman* merupakan kontrak *istithaq*. Oleh itu, menerima *ujrah* atas khidmat jaminan tidak termasuk dalam amalan terlarang kerana akad *dhaman* berbeza dengan akad *qard*;<sup>166</sup> dan
- ii. *Qiyas* terhadap *akhz al-ajr `ala al-jah* (menggambil upah atas reputasi seseorang) dan *akhz al-ju'l `ala ruqyah min al-Quran* (menggambil upah ke atas rawatan/perubatan dengan ayat al-Quran). Sebahagian ulama silam mengharuskan kedua-dua keadaan tersebut dan keharusan ini boleh digunakan terhadap pengambilan upah ke atas jaminan kerana kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi bentuk pekerjaan yang dilakukan.<sup>167</sup>

<sup>163</sup> Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1986, no. 2, j. 2, h. 1146 – 1147; Nazih Kamal Hammad, *Mada Jawaz Akhzu al-Ajr `ala al-Kafalah fi al-Fiqh al-Islami*, *Journal of King Abdul Aziz University (Islamic Economics)*, 1997, j. 9, h. 95 -121.

<sup>164</sup> Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Resolutions of the Securities Commission Shariah Advisory Council (Second Edition)*, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2006, h. 44 – 45.

<sup>165</sup> Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 4178.

<sup>166</sup> Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1986, b. 2, j. 2, h. 1146 – 1147.

<sup>167</sup> Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1986, b. 2, j. 2, h. 1134 – 1135.

## 102. Jaminan Terhadap Harga Jualan

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada CGC boleh menjamin harga jualan termasuk jumlah keuntungan dalam sesuatu pembiayaan secara Islam.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-55 bertarikh 29 Disember 2005 telah memutuskan bahawa CGC boleh menjamin harga jualan termasuk jumlah keuntungan sesuatu pembiayaan secara Islam yang melibatkan kontrak jual beli.

### Asas Pertimbangan

Memandangkan jaminan kredit yang diberikan oleh CGC adalah ke atas hutang atau obligasi kewangan pelanggan sesuatu pembiayaan Islam, mekanisme jaminan berdasarkan baki harga jualan adalah munasabah kerana amalan perbankan semasa mengiktiraf bahawa jumlah hutang belum berbayar adalah menyamai baki hutang atau harga jualan setelah ditolak nilai rebat (*ibra'*) yang sepatutnya diterima oleh pelanggan pada suatu masa tertentu.

Bagi mengekalkan keyakinan terhadap pasaran bon (termasuk *sukuk*) dan memastikan syarikat yang berdaya maju mempunyai akses kepada pembiayaan menerusi pasaran bon, Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) telah ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai sebuah institusi jaminan kewangan nasional. Selain daripada menyediakan penambahbaikan kredit kepada syarikat yang mempunyai perniagaan berdaya maju, Danajamin juga berperanan mewujudkan penarafan gred pelaburan untuk memperoleh dana daripada pasaran bon pada kos yang munasabah.

### **103. Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan Danajamin Nasional Berhad**

Di bawah mekanisme kemudahan jaminan yang disediakan, Danajamin akan membuat pembayaran kepada pelabur sekiranya penerbit *sukuk* gagal berbuat demikian. Kemudian, Danajamin akan menuntut semula amaun yang dibayar kepada pelabur daripada penerbit *sukuk*.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan konsep Syariah yang sesuai untuk operasi kemudahan jaminan Danajamin.

#### **Keputusan**

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 dan mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 telah memutuskan perkara berikut:

- i. Penggunaan konsep *kafalah bi al-ujr* (jaminan dengan upah) sebagai konsep Syariah yang sesuai untuk kemudahan jaminan ke atas terbitan *sukuk* oleh Danajamin adalah dibenarkan. Melalui konsep ini, Danajamin akan bertindak sebagai penjamin (*kafil*), penerbit *sukuk* selaku pihak yang dijamin (*makful `anhu*), dan pelabur selaku penerima jaminan atau benefesiari (*makful lahu*); dan

- ii. Menerusi kemudahan jaminan ini, Danajamin dibenarkan untuk menuntut semula daripada penerbit *sukuk* amaun jaminan yang telah dibayar kepada pelabur. Tempoh masa pembayaran amaun jaminan yang dituntut oleh Danajamin daripada penerbit *sukuk* hendaklah berdasarkan amalan semasa pasaran dengan persetujuan pihak-pihak berkontrak iaitu Danajamin dan penerbit *sukuk*, serta mengambil kira saiz *sukuk*.

### Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan kemudahan jaminan dengan upah (*kafalah bi al-ujr*) seperti yang dinyatakan dalam perkara 101.<sup>168</sup>

## 104. Pengasingan Modal dalam Operasi Danajamin

Memandangkan Danajamin menyediakan kemudahan jaminan bagi kedua-dua *sukuk* dan bon konvensional, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional perlu diasingkan. Ini kerana pengasingan modal dikhuatiri akan membataskan keupayaan Danajamin untuk menyediakan kemudahan jaminan ke atas *sukuk* dan bon konvensional dengan lebih cekap dan efektif.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan bahawa modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional tidak perlu diasingkan. Walau bagaimanapun, dana yang diperoleh daripada perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional (dengan fi) hendaklah diasingkan.

<sup>168</sup> Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation.

## Asas Pertimbangan

Pengurusan modal Danajamin bagi perniagaan jaminan *sukuk* dan bon konvensional tidak perlu diasingkan atas asas *masalahah* iaitu memastikan Danajamin dapat melaksanakan fungsinya sebagai penjamin dengan lebih berkesan bagi menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan pasaran modal, termasuklah pasaran modal Islam. Tambahan pula, pengasingan modal hanya akan membataskan keupayaan institusi jaminan tersebut untuk menyediakan kemudahan jaminan ke atas *sukuk* dan bon konvensional dengan lebih cekap dan efektif.

### 105. Skop Jaminan Danajamin ke atas *Sukuk*

MPS dirujuk berhubung dengan skop jaminan yang boleh disediakan oleh Danajamin ke atas penerbit *sukuk* iaitu sama ada Danajamin boleh menjamin nilai modal dan keuntungan.

#### Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan perkara berikut:

- i. Bagi *sukuk* yang berasaskan akad jual beli seperti *murabahah*, Danajamin boleh menjamin nilai modal dan keuntungan; dan
- ii. Bagi *sukuk* yang berasaskan akad *isytirak* (perkongsian) seperti *musyarakah*, *mudarah* dan *wakalah bi al-istithmar*, Danajamin hanya boleh menjamin nilai modal sahaja.



## Asas Pertimbangan

Bagi *sukuk* yang berasaskan akad *isytirak* seperti *musyarakah*, *mudarabah* dan *wakalah bi al-istithmar*, Danajamin selaku pihak ketiga adalah wajar untuk menjamin jumlah modal sahaja. Ini selari dengan pandangan ulama yang sependapat menyatakan bahawa jaminan pihak ketiga boleh dibuat dalam kontrak *musyarakah*, *mudarabah* dan *wakalah bi al-istithmar* tetapi terhad kepada nilai modal sahaja.

### 106. Jaminan ke atas Obligasi yang Terhasil daripada Aku Janji Pembelian

MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Danajamin boleh menjamin obligasi *sukuk* yang terhasil daripada aku janji pembelian (*purchase undertaking*) dalam *sukuk* seperti yang dipersetujui antara penerbit *sukuk* dengan pelabur.

#### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-94 bertarikh 23 Disember 2009 telah memutuskan bahawa Danajamin boleh menjamin obligasi penerbit *sukuk* yang terhasil daripada aku janji pembelian dalam *sukuk* seperti yang dipersetujui antara penerbit *sukuk* dengan pelabur. Walau bagaimanapun, formula amaun aku janji pembelian hendaklah tidak merangkumi keuntungan pada masa hadapan yang belum diperoleh atau belum matang (*unearned profit*).

## Asas Pertimbangan

Pada dasarnya, obligasi aku janji pembelian dalam *sukuk* adalah sesuatu yang sah dan diperakui Syarak. Ini kerana obligasi sedemikian adalah terhasil daripada janji lazim (*wa`d mulzim*) oleh penerbit *sukuk* untuk membeli aset sandaran dalam *sukuk* berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Sehubungan dengan itu, jaminan terhadap obligasi dan tanggungjawab sedemikian adalah sesuatu yang boleh dilaksanakan sama ada dengan bayaran upah atau tidak.

## 107. Caj Lewat Bayar dan Caj Tambahan Rekursa

Lazimnya, setelah Danajamin membuat pembayaran kepada pelabur dalam kes kegagalan penerbit *sukuk* untuk membuat pembayaran kepada pihak pelabur, Danajamin akan menuntut semula amaun pembayaran tersebut daripada penerbit *sukuk*. Bagi mengelakkan penerbit *sukuk* melewati pembayaran semula, terdapat saranan supaya penerbit *sukuk* yang lewat melakukan pembayaran semula dikenakan caj lewat bayar.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan perkara berikut:

- i. Sama ada penerbit *sukuk* yang lewat melakukan pembayaran semula boleh dikenakan caj lewat bayar; dan
- ii. Sama ada Danajamin boleh mengenakan sebarang caj tambahan ke atas penerbit *sukuk* ketika penerbit *sukuk* membuat pembayaran semula kepada Danajamin.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 dan mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2010 telah memutuskan perkara berikut:

- i. Pengenaan caj lewat bayar ke atas penerbit *sukuk* yang gagal melunaskan pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah dibenarkan. Namun demikian, caj lewat bayar tersebut tidak boleh dikompaun (*non-compounding*);
- ii. Sebahagian amaun caj lewat bayar tersebut boleh diambil kira sebagai pendapatan Danajamin atas dasar *ta`widh*. Walau bagaimanapun, kaedah penentuan caj *ta`widh* hendaklah ditentukan oleh pihak ketiga iaitu Bank Negara Malaysia; dan
- iii. Pengenaan sebarang caj tambahan lain oleh Danajamin ke atas penerbit *sukuk* apabila menuntut jumlah jaminan yang telah dibayar kepada pelabur adalah tidak dibenarkan.

## Asas Pertimbangan

Keputusan MPS berhubung dengan caj lewat bayar di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan *ta'widh* dan *gharamah* seperti yang dinyatakan dalam perkara 81.<sup>169</sup> Di samping itu, larangan terhadap pengenaan caj tambahan rekursa adalah berdasarkan pandangan bahawa pembayaran jaminan (*kafalah*) oleh Danajamin kepada pelabur dan hak tuntutan semula pembayaran tersebut daripada penerbit *sukuk* menjadikan jaminan tersebut sebagai hutang (*qard*) yang diberikan oleh Danajamin kepada penerbit *sukuk*. Syariah menetapkan bahawa sebarang caj tambahan ke atas pembayaran semula hutang adalah riba melainkan jika dikenakan kos sebenar sahaja.<sup>170</sup>

### 108. Pemilikan Aset Sandaran dalam *Sukuk* yang Berasaskan Kontrak *Ijarah*

Dalam *sukuk* yang berasaskan *ijarah*, hak milik aset sandaran adalah di bawah pegangan pelabur, manakala penerbit *sukuk* selaku penyewa aset tersebut bertanggungjawab untuk membayar kupon yang merujuk kepada amaun sewaan berkala. Dalam situasi apabila Danajamin melaksanakan jaminannya dengan menjelaskan amaun sewaan dan penebusan *sukuk* (*principal*) kepada pelabur, MPS dirujuk sama ada aset sandaran dalam *sukuk ijarah* akan berpindah milik kepada penerbit *sukuk* atau Danajamin.

#### Keputusan

MPS pada mesyuarat khas ke-10 bertarikh 9 April 2009 telah memutuskan perkara berikut:

- i. Status hak milik aset sandaran dalam *sukuk ijarah* tertakluk kepada terma dan syarat dalam kontrak. Sekiranya Danajamin hanya membayar amaun sewaan berkala atau kupon dalam tempoh *sukuk* dilaksanakan, aset sandaran adalah masih dimiliki oleh pelabur. Walau bagaimanapun, sekiranya Danajamin membayar harga aku janji pembelian (*purchase undertaking*), hak milik aset sandaran akan berpindah kepada penerbit *sukuk*. Namun, aset tersebut akan dijadikan sekuriti atau cagarang kepada hutang yang telah dibayar oleh Danajamin kepada pelabur sehinggalah penerbit *sukuk* melunaskan jumlah bayaran tersebut; dan

<sup>169</sup> Pengenaan *Ta'widh* dan *Gharamah* dalam Pembiayaan Kewangan Islam.

<sup>170</sup> AAOIFI, *Al-Ma'ayir al-Syar'iyyah*, Piawaian no. 19 (*Al-Qard*), perenggan 4 dan 5.

- ii. Jaminan ke atas *sukuk* yang diterbitkan berasaskan kontrak *ijarah* boleh meliputi jaminan ke atas sewa dan *wa'd* untuk membeli aset.

### Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa kesan terhadap sesuatu kontrak adalah bergantung kepada terma dan syarat yang dipersetujui dalam kontrak selagi ia tidak bercanggah dengan kaedah umum Syarak. Ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزمه بالتعاقد

*"Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad."*<sup>171</sup>

<sup>171</sup> Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk melaksanakan insurans deposit secara Islam dan konvensional. Langkah mewujudkan insurans deposit bertujuan memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna dan ia merupakan salah satu agenda penting dalam pembangunan berterusan sistem kewangan di Malaysia. Insurans deposit juga memperkukuh insentif bagi institusi kewangan untuk melaksanakan amalan kewangan dan perniagaan yang baik serta mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan dengan menyediakan perlindungan deposit secara khusus.

## 109. Konsep Syariah bagi Operasi Insurans Deposit Islam

Insurans deposit merupakan satu mekanisme yang membolehkan PIDM melindungi pendeposit daripada kehilangan wang yang didepositkan di institusi perbankan sekiranya institusi perbankan tersebut mengalami kegagalan. Bagi membolehkan pendeposit-pendeposit perbankan Islam turut menikmati perlindungan yang sama, MPS dirujuk berhubung dengan konsep Syariah yang bersesuaian untuk mendasari operasi insurans deposit Islam.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-80 bertarikh 7 Januari 2009 telah memutuskan bahawa operasi PIDM dalam mengendalikan dana insurans deposit Islam boleh dilaksanakan berdasarkan konsep *kafalah bi al-ujr*.<sup>172</sup> Berdasarkan konsep *kafalah bi al-ujr*, pembayaran premium oleh institusi anggota PIDM yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam merupakan *ujrah* atau upah kepada PIDM dan menjadi hak milik PIDM. Oleh kerana premium merupakan sejenis upah, PIDM boleh menstrukturkannya dalam bentuk suatu nilai mutlak atau secara berkadar.

### Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas keharusan kemudahan *kafalah bi al-ujr* seperti yang dinyatakan dalam perkara 101.<sup>173</sup>

<sup>172</sup> Keputusan ini telah membatalkan keputusan MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 yang memutuskan bahawa konsep yang bersesuaian dengan operasi insurans deposit secara Islam ialah *tabarru'*.

<sup>173</sup> Konsep Syariah bagi Operasi Kemudahan Jaminan secara Islam Credit Guarantee Corporation.

## 110. Percampuran Dana yang Disumbangkan oleh Institusi Perbankan Islam dan Konvensional dalam Insurans Deposit

Di bawah pengaturanan insurans deposit, institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional diwajibkan menjadi anggota PIDM dan membayar premium tahunan yang menjadi sumber dana insurans deposit. Selain daripada digunakan untuk membuat pembayaran kepada pendeposit yang dilindungi dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan, dana ini juga digunakan untuk melabur dalam instrumen yang berlandaskan Syariah dan membiayai perbelanjaan PIDM.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada Syariah membenarkan dana premium yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional dikumpulkan dalam satu dana.

MPS juga dirujuk berhubung dengan isu sama ada Kerajaan boleh mewajibkan keanggotaan institusi-institusi perbankan Islam dalam PIDM.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa premium atau fi yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional perlu diasingkan dan tidak boleh dikumpulkan dalam satu dana. Sekiranya berlaku pembubaran PIDM, MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa kaedah pembubaran yang berasingan bagi kedua-dua dana perlu dilaksanakan.

Di samping itu, MPS pada mesyuarat ke-80 bertarikh 7 Januari 2009 turut memutuskan bahawa Kerajaan boleh mewajibkan keanggotaan institusi-institusi perbankan Islam dalam PIDM kerana tiada halangan dari segi hukum Syarak yang menegah tindakan sedemikian.

## Asas Pertimbangan

Premium atau fi yang disumbangkan oleh institusi-institusi perbankan Islam dan perbankan konvensional perlu diasingkan bagi mengelakkan percampuran dana premium skim insurans deposit antara perbankan Islam dengan konvensional. Ia juga bagi memastikan pelaburan dana insurans deposit secara Islam dilaksanakan dalam instrumen yang dibenarkan Syariah. Ini kerana percampuran dana premium perbankan Islam dengan konvensional akan menimbulkan keraguan pada status patuh Syariah dana premium perbankan Islam tersebut. Pembubaran secara berasingan juga perlu dilaksanakan bagi memberikan hak dan keutamaan pembayaran perlindungan kepada pihak yang berhak menerimanya.

### 111. Had Jaminan Deposit Perbankan Islam oleh PIDM

Dalam melaksanakan jaminan ke atas deposit perbankan Islam, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada PIDM boleh menjamin nilai prinsipal dan juga keuntungan yang telah diperolehi oleh sesebuah perbankan Islam tetapi belum diagihkan.

#### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-29 bertarikh 25 September 2002 telah memutuskan bahawa tiada halangan dalam melaksanakan jaminan ke atas deposit *wadi'ah*. Deposit *mudarabah* pula boleh dijamin sekiranya jaminan tersebut dibuat oleh pihak ketiga (dalam situasi ini, ia boleh merujuk kepada PIDM). Walau bagaimanapun, insurans deposit tidak boleh memberi keutamaan dalam melindungi keuntungan *mudarabah* yang belum diisytiharkan.

## Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan ke atas perkara berikut:

- i. PIDM boleh menetapkan had bagi jaminan yang diberi kerana ia selaras dengan hukum *kafalah* yang membenarkan *kafil* menentukan had jaminan yang diberi;<sup>174</sup>

<sup>174</sup> Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, 2002, j. 6, h. 32.

- ii. Tidak timbul sebarang isu Syariah dalam melaksanakan jaminan terhadap deposit berasaskan *wadi'ah*; dan
- iii. Insurans deposit tidak boleh memberi keutamaan untuk melindungi keuntungan *mudarabah* yang belum diisytiharkan kerana ia sepatutnya digunakan untuk tuntutan-tuntutan dan tanggungan yang lebih utama dan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

## 112. Definisi Terma “Deposit” dalam Insurans Deposit Islam

Memandangkan tarikh pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam mungkin berlaku sebelum pembayaran keuntungan/hibah dibuat walaupun ia telah diisytiharkan secara bulanan, MPS dirujuk berhubung dengan definisi deposit yang perlu dibayar semula kepada pendeposit-pendeposit dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-30 bertarikh 28 Oktober 2002 telah memutuskan bahawa definisi deposit yang perlu dibayar semula dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam merujuk kepada jumlah prinsipal dan keuntungan/hibah yang telah dikreditkan ke dalam akaun termasuk jumlah keuntungan/hibah yang telah diisytiharkan tetapi belum dikreditkan sehingga tarikh penutupan institusi perbankan Islam. Namun demikian, nilai tambahan (sama ada disebut sebagai keuntungan/hibah) bagi tempoh bermula daripada tarikh penutupan atau pembubaran institusi perbankan Islam sehingga tarikh pembayaran adalah berdasarkan budi bicara PIDM.

Di samping itu, MPS turut memutuskan bahawa nilai yang dilindungi oleh PIDM mestilah dinyatakan secara jelas dalam akad atau kontrak.



## Asas Pertimbangan

Keputusan MPS di atas adalah berasaskan pertimbangan bahawa kriteria dan maksud terma “deposit” boleh ditentukan berdasarkan penelitian terhadap amalan yang dilaksanakan dalam industri kewangan, selari dengan kaedah-kaedah fiqh yang berikut:

المعروف عرفا كالمشروط شرطا

*“Sesuatu yang dikenalpasti sebagai adat adalah seumpama sesuatu yang dijadikan sebagai syarat.”<sup>175</sup>*

المعروف بين التجار كالمشروط بينهم

*“Sesuatu yang secara adat diiktiraf dalam kalangan ahli perniagaan adalah dianggap sebagai syarat yang dipersetujui antara mereka.”<sup>176</sup>*

### 113. Kedudukan Tuntutan PIDM Berbanding dengan Tuntutan Pendeposit dalam Kes Pembubaran Sesebuah Institusi Perbankan Islam

Apabila sesebuah institusi perbankan Islam mengalami kegagalan dan tidak mampu untuk menunaikan tanggungjawab dalam mengembalikan deposit kepada pendeposit, PIDM akan membayar dahulu sebahagian atau keseluruhan deposit tersebut daripada dana insurans deposit Islam. Kemudian, PIDM akan menuntut kembali amaun yang dibayar tersebut daripada institusi perbankan Islam.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan kedudukan tuntutan PIDM berbanding dengan tuntutan pendeposit institusi perbankan Islam bagi mendapatkan semula amaun yang telah dibayarnya.

<sup>175</sup> Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 237.

<sup>176</sup> Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 239.

## Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-26 bertarikh 26 Jun 2002 telah memutuskan bahawa kedudukan tuntutan PIDM berbanding pendeposit bagi mendapatkan semula deposit dalam kes pembubaran sesebuah institusi perbankan Islam adalah bergantung kepada jenis deposit yang telah dibayar oleh PIDM. Sebagai contoh, sekiranya PIDM membayar deposit *wadi'ah*, maka kedudukan PIDM dalam hal ini adalah sama dengan pendeposit *wadi'ah* dan begitulah seterusnya.

## Asas Pertimbangan

Produk deposit di institusi perbankan Islam distrukturkan berasaskan jenis-jenis akad yang berbeza. Oleh yang demikian, kesan hukumnya juga adalah berbeza. Justeru, keutamaan pembayaran balik deposit adalah bergantung kepada akad atau hubungan kontrak yang dimeterai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam.

Oleh kerana *wadi'ah* di institusi perbankan Islam adalah bersifat *qard* dari sudut fiqah, institusi perbankan Islam adalah wajib menjamin dan mengembalikan seluruh wang yang telah dimasukkan dalam akaun deposit *wadi'ah* tersebut.<sup>177</sup>

Bagi deposit yang berasaskan kontrak *mudarabah*, institusi perbankan Islam tidak berkewajipan menjamin atau mengembalikan seluruh wang *mudarabah* atau keuntungannya,<sup>178</sup> kecuali jika kerugian wang tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian dan kesalahan institusi kewangan selaku *mudarib*.

Walau bagaimanapun, berdasarkan akad *kafalah bi al-ujr* yang dimeterai antara PIDM dengan institusi perbankan Islam, PIDM adalah berkewajipan untuk menjamin kerugian *mudarabah* atas dasar jaminan pihak ketiga. Sehubungan dengan itu, pihak institusi perbankan Islam bertanggungjawab untuk menunaikan hak pendeposit akaun simpanan *wadi'ah* terlebih dahulu berbanding pendeposit akaun pelaburan *mudarabah*. Ini kerana institusi perbankan Islam mempunyai tanggungjawab secara langsung terhadap pendeposit *wadi'ah* manakala pendeposit *mudarabah* adalah dijamin oleh PIDM.

<sup>177</sup> Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1995, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 86 (9/3).

<sup>178</sup> Akademi Fiqah OIC, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*, 1995, Persidangan kali ke-9, resolusi no. 86 (9/3).

## 114. Penggunaan *Muqasah* dalam Insurans Deposit Islam

Secara lazimnya, setelah sesebuah institusi perbankan Islam diisytiharkan tidak mampu bayar (*insolvent*), proses tolak selesai (*muqasah*) akan dilaksanakan untuk menentukan amaun deposit yang perlu dibayar oleh PIDM kepada pendeposit. Menerusi proses ini, jumlah pembayaran akan ditentukan berdasarkan perbezaan antara jumlah deposit dengan jumlah hutang pembiayaan belum bayar oleh pelanggan berkenaan terhadap institusi perbankan Islam. Contohnya, sekiranya seseorang pelanggan mempunyai deposit sebanyak RM100,000 dan pada masa yang sama mempunyai obligasi pembiayaan tertunggak sebanyak RM50,000, maka pelanggan tersebut hanya layak menerima pembayaran sebanyak RM50,000 sahaja.

Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung dengan isu sama ada proses tolak selesai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam di atas boleh dilaksanakan dalam proses pembayaran semula deposit oleh PIDM dan pegawai penyelesaian.

### Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-32 bertarikh 27 Februari 2003 telah memutuskan bahawa proses tolak selesai antara pendeposit dengan institusi perbankan Islam dibenarkan untuk dilaksanakan dalam proses pembayaran deposit oleh PIDM dan pegawai penyelesaian.

### Asas Pertimbangan

Pada asasnya, *muqasah* adalah dibenarkan dalam *mua`malah* Islam. *Muqasah* boleh dibuat dalam dua bentuk iaitu *al-muqasah al-ittifaqiyyah* (secara persetujuan dua belah pihak) atau *al-muqasah al-jabariyyah* (secara penetapan oleh pihak berkuasa bagi menjamin keadilan). Dalam hal ini, kebanyakan institusi kewangan Islam telah memasukkan klausa tolak selesai ini ke dalam dokumentasi perjanjian pembiayaan secara Islam dan ia boleh dilaksanakan berdasarkan persetujuan pelanggan yang menandatangani perjanjian tersebut. Hal ini adalah selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزمه بالتعاقد

"*Hukum asal dalam akad adalah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak adalah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad.*"<sup>179</sup>

<sup>179</sup> Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.

## PERBADANAN GADAI JANJI NASIONAL (CAGAMAS)

### 115. Kemudahan Jaminan Gadai Janji (*Mortgage Guarantee Facility*)

Bagi meningkatkan pasaran penssekuritan, terdapat cadangan daripada perbadanan gadai janji nasional iaitu Cagamas untuk menyediakan kemudahan jaminan gadai janji secara Islam. Kemudahan jaminan gadai janji secara Islam ini bertujuan untuk menyediakan suatu kemudahan jaminan gadai janji yang menawarkan kaedah pengurusan portfolio dan risiko untuk mengurus pendedahan risiko kredit portfolio gadai janji dengan lebih baik kepada institusi-institusi kewangan Islam, terutamanya penyedia pembiayaan gadai janji. Ini seterusnya meningkatkan keupayaan institusi kewangan Islam untuk menyediakan lebih banyak pembiayaan gadai janji mampu milik kepada pembeli-pembeli rumah. Kemudahan jaminan gadai janji ini akan disediakan menerusi penubuhan sebuah syarikat usaha sama yang akan bertindak sebagai sebuah Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)).

Kemudahan jaminan gadai janji ini dilaksanakan berasaskan kontrak *wakalah* dan *kafalah* yang dimeterai secara berasingan. Cadangan struktur kemudahan jaminan gadai janji ini memperlihatkan SPV memainkan dwi-peranan berikut untuk institusi kewangan Islam:

- i. Berasaskan kontrak *wakalah*, SPV akan bertindak sebagai ejen/wakil institusi kewangan Islam untuk menjalankan tugas seperti menganalisa risiko portfolio pembiayaan gadai janji dengan bayaran *ujrah* atau fi yang dipersetujui; dan
- ii. Berasaskan kontrak *kafalah*, SPV turut berperanan sebagai penjamin untuk menanggung kerugian institusi kewangan Islam sekiranya terdapat keingkaran dalam pelunasan pembayaran berkala oleh pemilik rumah. *Kafalah* yang diberikan mempunyai elemen rekursa iaitu SPV akan menuntut amaun jaminan yang telah dibayar kepada institusi kewangan Islam daripada pelanggan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang fi dikenakan ke atas perkhidmatan jaminan yang diberikan oleh SPV.

Dalam hal ini, MPS dirujuk sama ada cadangan kemudahan jaminan gadai janji seperti yang dicadangkan dibenarkan oleh Syarak.

## Keputusan

MPS pada mesyuarat ke-74 bertarikh 3 April 2008 telah memutuskan bahawa cadangan kemudahan jaminan gadai janji di atas dibenarkan dengan syarat kemudahan yang diberikan hendaklah mendapat persetujuan daripada pelanggan institusi kewangan Islam yang berkenaan.

## Asas Pertimbangan

Keharusan *wakalah* telah dinyatakan dalam al-Quran seperti yang berikut:

فَاعْتَمُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ

"...sekarang utuslah salah seorang daripada kalangan kamu, membawa wang perak ini ke bandar kemudian biarlah dia memilih jenis makanan yang baik, kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya..."<sup>180</sup>

Keharusan *wakalah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

عن عقبه بن عامر رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أعطاه غنما يقسمها على صحابته ضحايا فبقي عتود فذكره لرسول الله صلى الله عليه وسلم فقال ضح به أنت

"Daripada `Uqbah ibn `Amir menceritakan bahawa Rasulullah SAW memberinya beberapa ekor kambing biri-biri untuk diagihkan antara para sahabat baginda dengan seekor anak kambing biri-biri jantan tertinggal selepas pengagihan tersebut. Beliau memaklumkan Rasulullah SAW mengenainya dan baginda berkata: Korbankannya bagi pihakku."<sup>181</sup>

<sup>180</sup> Surah al-Kahfi, ayat 19.

<sup>181</sup> Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Al-Matba'ah al-Salafiyah, 1982, j. 2, h. 207, hadis no. 2500.

Keharusan kontrak *kafalah* pula telah dinyatakan dalam al-Quran seperti yang berikut:

وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ

“...dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu.”<sup>182</sup>

Keharusan *kafalah* turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan dalam hadis berikut:

الزعيم غارم

“Penjamin adalah orang yang menanggung liabiliti.”<sup>183</sup>

Himpunan beberapa kontrak Syariah dalam sesuatu produk atau perkhidmatan adalah diharuskan kerana fatwa semasa membenarkan himpunan pelbagai kontrak Syariah dalam sesuatu urusan *mua`malah* yang tidak bercanggah dari sudut hukum Syarak. Lebih-lebih lagi, amalan ini telah berjalan sejak sekian lama.<sup>184</sup> Apa yang penting ialah kontrak-kontrak yang terlibat hendaklah dilaksanakan secara jelas dan berasingan, serta tidak tergolong dalam kontrak yang dilarang oleh Syarak.

Di samping itu, keperluan untuk mendapatkan persetujuan daripada pelanggan bagi sebarang jaminan gadai janji yang mempunyai elemen rekursa adalah bertujuan untuk memastikan pelanggan mengetahui tanggungjawabnya untuk membayar amaun jaminan kepada SPV sekiranya dituntut.

<sup>182</sup> Surah Yusuf, ayat 72.

<sup>183</sup> Al-Baihaqi, *Al-Sunan al-Kubra*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003, j. 6, h. 119.

<sup>184</sup> Kuwait Finance House, *Al-Fatawa al-Syar'iyyah fi al-Masa'il al-Iqtisadiyyah* (edisi terkini), j. 2, h. 29 – 30, fatwa no. 384.